



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

PERTEMUAN KHAS JULUNG KALI YAB PERDANA MENTERI BERSAMA WARGA PENGUAT KUASA KPDN

PUTRAJAYA, 22 OGOS 2024 – Hari ini Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menganjurkan Majlis Persaraan Sanjungan Budi, Kilauan Bakti bagi meraikan 45 orang pegawai yang telah dan akan bersara di tahun 2024. Sesungguhnya, jasa dan sumbangan para pesara yang terlibat adalah amat besar sepanjang keberadaan dalam perkhidmatan awam.

Komitmen dan kesungguhan para pesara ini sewajarnya dicontohi dan diteruskan oleh mereka yang masih berada dalam perkhidmatan sebagai jentera penting Kerajaan. Tumpuan harus diberikan untuk sentiasa mencari ruang penambahbaikan sistem penyampaian Kerajaan demi memberikan perkhidmatan sehabis baik kepada rakyat dan negara secara keseluruhannya.

Kerajaan amat menghargai sumbangan para penjawat awam dan mengiktiraf peranan penting perkhidmatan awam dalam menentukan keberkesanan pengubalan dan pelaksanaan dasar dan program Kerajaan. Penghargaan dan pengiktirafan ini diterjemahkan dengan komitmen untuk mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif termasuk laluan kerjaya dan emolumen para penjawat awam.

Keprihatinan ini dizahirkan melalui pengubalan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) bagi menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang dibentangkan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri pada 16 Ogos 2024 yang lalu. Antara komponen SSPA adalah pelarasan semula emolumen yang melibatkan kenaikan gaji para penjawat awam di semua peringkat.

Hakikatnya, kenaikan gaji ini bukan sahaja manifestasi pengiktirafan Kerajaan Madani kepada para penjawat awam, tetapi juga seiring dengan agenda Kerajaan untuk menangani beban kos sara hidup dalam kalangan kakitangan awam. Pendekatan ini juga bersandarkan kepada strategi Kerajaan hari ini untuk mendepani isu kos sara hidup global yang bukan sahaja menumpukan kepada usaha mengawal harga barangan dan perkhidmatan, tetapi juga menggerakkan ikhtiar untuk mencipta dan meningkatkan pendapatan rakyat.

Sehubungan itu, para penjawat awam di KPDN diseru untuk menyusul keprihatinan Kerajaan ini dengan memperbaharui iltizam dan komitmen untuk meningkatkan produktiviti kerja. Kecekapan dan ketangkasan kerja para penjawat awam di KPDN adalah amat penting untuk memelihara kepentingan rakyat. Ini termasuk dalam aspek pemantauan dan penguatkuasaan kefungisian KPDN yang terkait langsung dengan isu kepenggunaan dan kos sara hidup.

Harapan tinggi Kerajaan Madani terhadap warga KPDN terserlah dengan keputusan YAB Perdana Menteri untuk mengadakan perjumpaan khas dengan memberikan amanat secara langsung kepada jentera penguatkuasaan KPDN yang akan berlangsung esok, Jumaat, 23 Ogos 2024, pukul 2.45 petang bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Sejak Bahagian Penguat Kuasa KPDN ditubuhkan pada tahun 1972, inilah kali pertama Perdana Menteri hadir dalam satu sesi amanat khusus bersama warga penguatkuasa KPDN.

YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI

Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

###